

Ruj. Kami : PMS/UP/656-3 JLD.2/(22)

Tarikh : 9 Januari 2001

Semua Ketua Jabatan Persekutuan Sabah
Dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan
Sabah Dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Pengarah Kerja Raya
Ibu Pejabat
Jabatan Kerja Raya Negeri Sabah
88582 Kota Kinabalu.

Pengarah
Jabatan Pengairan Dan Saliran Sabah
Tingkat 5 & 6, Menara Khidmat
Jalan Belia
88000 Kota Kinabalu.

Pengarah
Jabatan Pertanian Sabah
Tingkat 5, Menara Khidmat
Jalan Belia
88000 Kota Kinabalu.

Pengarah
Jabatan Perhutanan Sabah
Beg Berkunci No. 68
90009 Sandakan.

Y. Bhg Dato'/Datuk/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN MALAYSIA SABAH
BILANGAN 01 TAHUN 2001**

**KELEMAHAN DI DALAM PENYEDIAAN
SPESIFIKASI/DOKUMEN TENDER**

Adalah saya dengan hormatnya menarik perhatian Y. Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan kepada perkara yang tersebut di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa di dalam pemerhatian Perbendaharaan Malaysia Sabah (PMS) didapati berlaku beberapa kelemahan di dalam penyediaan spesifikasi/dokumen tender yang dipelawa oleh Jabatan-Jabatan Persekutuan di Sabah. Antara kelemahan-kelemahan yang dikenalpasti adalah seperti berikut:

- 2.1. Spesifikasi tidak lengkap dan tidak jelas.
- 2.2. Spesifikasi menjerus kepada sesuatu jenama atau nama dagangan.
- 2.3. Terdapat jenama dan nama dagangan dicatit di dalam spesifikasi tender.
- 2.4. Ada dinyatakan di dalam dokumen tender 'as per approved drawings' atau 'as per approved sample' atau 'as per shops drawings' yang mengelirukan dan sukar bagi petender untuk memberi tawaran harga.
- 2.5. Di dalam menyediakan spesifikasi Jabatan tidak mengkaji dengan mendalam sama ada 'accessories'/alat-alat termasuk di dalam pakej bekalan atau berasingan.
- 2.6. Agensi/Jabatan tidak memasukkan klausa bantahan di dalam dokumen tender bagi membolehkan petender membuat bantahan terhadap tender yang disyaki menjerus kepada sesuatu jenama.
- 2.7. Terdapat spesifikasi yang disediakan itu tidak lengkap dari segi skop kerja dan ciri-ciri perkhidmatan yang tidak jelas dan terperinci.
- 2.8. Agensi/Jabatan tidak memberitahu bentuk spesifikasi alat/barangan, projek dan skop projek kepada pegawai-pegawai yang mengendalikan setor Jabatan dan pegawai-pegawai di peringkat Bahagian yang akan mengawasi projek-projek berkaitan.

3. Pejabat ini mendapati kelemahan-kelemahan tersebut berlaku adalah diantara lain oleh kerana kurangnya kajian untuk membuat spesifikasi/dokumen tender. Sehubungan dengan itu, semua Ketua-Ketua Jabatan adalah dinasihatkan supaya mematuhi Surat Pekeliling Bil. 2 Tahun 1995 di dalam menyediakan spesifikasi tender khususnya di bawah para 2.8. Berikut adalah cabutan para 2.8 di dalam Surat Pekeliling yang berkenaan;

"2.8. Penyediaan Penentuan

2.8.1. Jawatankuasa Penentuan

Satu Jawatankuasa Penentuan Teknikal yang dilantik oleh Ketua Agensi hendaklah diwujudkan bagi menyediakan penentuan teknikal tiap-tiap barang yang hendak dibeli. Ahli-Ahli Jawatankuasa hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya tiga (3) orang pegawai yang mahir dan berkelayakan di dalam bidang berkenaan termasuk wakil-wakil daripada Jabatan lain yang berkaitan.

2.8.2. Tempoh Masa

2.8.2.1. Jawatankuasa ini hendaklah diberikan masa yang secukupnya untuk merangka dan mengwujudkan penentuan yang jelas.

2.8.3. Butiran Penentuan

2.8.3.1. Dalam menggariskan penentuan perkara-perkara seperti warna, saiz, bentuk, kualiti, pembungkusan, nisbah kandungan dan butir-butir lain yang berkaitan hendaklah dinyatakan dengan jelas supaya tidak menimbulkan keraguan kepada pembekal tentang apa yang dikehendaki oleh Agensi. Bagi perolehan perkhidmatan skop perkhidmatan hendaklah dinyatakan dengan jelas dan terperinci.

2.8.3.2. Penentuan tender ini tidak boleh berdasarkan kepada sesuatu jenama atau buatan. Sekiranya tidak dapat dielakkan, ungkapan 'atau persamaan' hendaklah digunakan.

2.8.3.3. Penentuan hendaklah dibuat berasaskan fungsi penggunaan dan sekurang-kurangnya memenuhi Standards Malaysia (MS) atau Standards Antarabangsa yang diiktiraf oleh Kerajaan. Sekiranya barangan tersebut tidak mempunyai sebarang standards, Agensi hendaklah memastikan barangan yang ditentukan adalah sesuai, selamat digunakan dan dijamin oleh pembuatnya atau petender.

2.8.3. Penentuan Perolehan Teknologi Maklumat

2.8.4.1. Bagi perolehan peralatan yang melibatkan teknologi maklumat, penentuan tender hendaklah diluluskan oleh MAMPU, Jabatan Perdana Menteri sebelum ianya diiklan. Manual garis panduan pengkomputeran untuk pengurusan di sektor awam yang dikeluarkan oleh MAMPU hendaklah dirujuk".

4. Di samping panduan-panduan yang dinyatakan di dalam perenggan 2.8 Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1995, beberapa panduan-panduan lain yang harus diikuti dan dipatuhi adalah seperti berikut:-

4.1. Jabatan/Agensi hendaklah mengkaji dengan mendalam berkaitan dengan 'accessories'/alat-alat sama ada dibekalkan berasingan oleh pembuat pembekal atau secara pakej, di dalam menyediakan spesifikasi.

4.2. Jabatan/Agensi hendaklah mengelakkan menggunakan perkataan-perkataan yang mengelirukan yang akan menyebabkan kesulitan bagi petender memberi tawaran serta kesulitan untuk Lembaga Perolehan Persekutuan membuat keputusan muktamad.

- 4.3. Spesifikasi bagi bekalan alat-alat, kerja, skop kerja dan perkhidmatan hendaklah dinyatakan dengan jelas dan terperinci.
 - 4.4. Jabatan/Agensi hendaklah memasukkan klausa bantahan di dalam dokumen tender bagi membolehkan petender membuat bantahan terhadap tender yang disyaki menjurus kepada sesuatu jenama atau nama dagangan.
 - 4.5. Pihak Ibu Pejabat hendaklah memberitahu kepada pegawai di peringkat Bahagian bentuk spesifikasi dan skop kerja bagi projek-projek yang akan dilaksanakan di peringkat Bahagian yang akan mengawasi pelaksanaan projek-projek berkaitan oleh pegawai-pegawai itu.
 - 4.6. Pihak Ibu Pejabat hendaklah memberitahu bentuk spesifikasi alat-alat yang akan dibekalkan oleh syarikat kepada pegawai-pegawai yang mengendalikan setor Jabatan yang akan menerima bekalan daripada syarikat.
5. Adalah diharapkan Y. Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan dapat memberi penuh perhatian kepada perkara ini. Segala perhatian dan kerjasama Y. Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan di dalam memastikan kesempurnaan spesifikasi/dokumen tender dalam perolehan Kerajaan sangatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian. Terima kasih.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

Saya yang menurut perintah,

T.T
(DATUK DR. ABDUL AZIZ BIN MOHD. ALI)
Pegawai Kewangan Persekutuan,
Sabah.